

Sambutan Hari Air Sedunia 2016

Sumber air adalah teras kepada pembangunan



negara dan merupakan asas kehidupan dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat. Ia kini diberi tumpuan khas dalam agenda global melalui "Sustainable Development Goals" (SDG) yang merupakan satu dokumen yang telah dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin dunia di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations General Assembly – UNGA) pada 25 September 2015. Ia telah menggariskan 17 Matlamat Pembangunan Mampan bagi mengatasi pelbagai isu yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa termasuk penekanan khusus terhadap isu pengurusan sumber air dan perkhidmatan air berbanding sebelum ini yang hanya dinyatakan secara umum dalam dokumen Millenium Development Goal (MDG).

Kedaaan di Malaysia adalah jauh lebih baik berbanding kebanyakan negara membangun apabila hampir 94% dari pengguna domestik dapat menerima bekalan air terus daripada sistem retikulasi air terawat dan lebih 99% premis mempunyai kemudahan tandas bercurah.

Walaupun statistik menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan, namun isu



dan cabaran berkaitan dengan sumber air menjadi semakin ketara pada masa kini. Fenomena kering dan panas pada tahun awal 2014 yang telah menyebabkan tindakan catuan air yang membabitkan jutaan penduduk sekitar Lembah Klang dan di beberapa buah negeri. Fenomena tersebut yang telah berlanjutan sehingga beberapa bulan dijangka akan berlaku lebih kerap lagi di masa hadapan. Di samping itu, kejadian banjir besar yang melanda empat buah negeri pada akhir tahun 2014 telah menyebabkan kemusnahan yang agak besar dan insiden banjir tersebut belum pernah dialami sebelum ini oleh generasi kini.

Menyadari isu ini, negara kita bergerak seiring dengan komuniti global dalam usaha memastikan air terawat yang selamat dapat diakses oleh semua rakyat, kemudahan sanitasi yang sesuai dapat disediakan terutama kepada kaum wanita dan kanak-kanak, pencemaran sumber

air dapat dibendung, penggunaan air secara efisien serta mempromosi penggunaan semula air melalui pengukuhan struktur pengurusan air diperingkat komuniti.

Hari Air Sedunia yang disambut pada 22 Mac setiap tahun adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1993 bertujuan meningkatkan kesedaran dan membaharui tekad semua lapisan rakyat di dunia untuk menangani isu-isu berkaitan air melalui pelan strategik dan pelaksanaan tindakan oleh setiap negara di seluruh dunia. Pada tahun ini, PBB telah menetapkan "Air dan Pekerjaan" sebagai tema bagi sambutan Hari Air Sedunia 2016 yang selari dan bertepatan dengan penglibatan sejumlah besar masyarakat dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai hubungan terus dengan air.

Sektor pekerjaan yang berkaitan secara langsung dengan sumber

air di Malaysia melibatkan tenaga kerja hampir 11,000 dalam sektor rawatan kumbahan, perkhidmatan pengurusan sumber air dan hidrologi, tebatan banjir, pengurusan sungai, hakisan pantai, pengairan dan saliran pertanian serta saliran mesra alam.

"Demi mengukuhkan kesejahteraan negara sejajar dengan arus pembangunan pesat negara, pendekatan pengurusan sumber air yang bersepadu berserta tindakan kolaboratif oleh semua pihak perlu diambil oleh kerajaan," ujar YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar. Menurut beliau lagi, antara langkah proaktif ke arah pengurusan sumber air bersepadu yang telah diambil oleh kerajaan ialah membangunkan Dasar Sumber Air Negara (DSAN) dan penggubalan Rang Undang-Undang Sumber Air Negara (RUU SAN) bagi memantapkan pengurusan sumber air. DSAN telah dilancarkan pada 2012 manakala penggubalan RUU SAN adalah diperingkat konsultasi dengan semua Pihak Berkuasa Negeri. Pemakaian kedua-dua instrumen "enabling environment" ini akan mengukuhkan pengurusan sumber air negara.

Pelbagai aktiviti dan program telah disusun bagi meraikan Sambutan Hari Air Sedunia 2016 Peringkat kebangsaan. Majlis Sambutan Hari Air Sedunia 2016 dianjurkan secara bersama oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Tenaga,

Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) dan Jawatankuasa Program Hidrologi Kebangsaan Malaysia, UNESCO (UNESCO-IHP Malaysia) serta Perbadanan Putrajaya (PPJ) di Kompleks Sukan Air, Presint 6, Putrajaya bermula jam 8.00 pagi. Majlis ini juga akan turut di warnai dengan penganugerahan Anugerah Khas Sumber Air, Anugerah Emas Tesis Peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran (PhD), Anugerah Hadiah Pertandingan Poster, Jingle dan Video Pendek serta persembahan sketsa istimewa pelajar sekolah.

Beberapa program seiring lain juga turut dirancang sepanjang tahun bersempena Hari Air Sedunia 2016 termasuk penganjuran Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Peringkat Kebangsaan, Forum Sumber Air: Kepentingan Sumber Air Dari Sudut Pelbagai Agama, Program Dialog Mahasiswa IPT dan Seminar Hari Air Sedunia 2016 bagi meningkatkan kesedaran awam serta mengukuhkan kefahaman masyarakat umum mengenai kepentingan sumber air dan peranan air dalam kehidupan.

Maklumat lanjut program program bersempena sambutan Hari Air Sedunia 2016 Peringkat Kebangsaan boleh didapati melalui laman facebook IHP – UNESCO Malaysia atau dengan melayari www.nre.gov.my.